

**AMALAN DAN PENGUPAYAAN PENGAJARAN ABAD 21 DALAM KALANGAN GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KUALA LIPIS, PAHANG**

Fauzi Hasan<sup>1</sup>, Mohd Asri Abdul Razak<sup>1</sup>, Dzulkarnain Mat<sup>1</sup>, Mohd Nor Mohamed<sup>1</sup>,  
Aminuddin Mohamed<sup>1</sup>

<sup>1</sup>IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan  
Corresponding Author: fauzihasan71@gmail.com

**Abstrak**

*Subjek Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang paling penting dalam pendidikan sama ada di sekolah rendah dan menengah. Lantaran itu, guru yang mengajar bahasa Melayu perlu mempunyai pengetahuan luas dalam bahasa Melayu dan kemahiran pedagogi bagi menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Dalam meniti abad ke-21, kemahiran pedagogi seseorang guru perlu memiliki kemahiran pembelajaran dan inovasi, kemahiran maklumat, media dan teknologi, dan kemahiran hidup. Diperingkat amalan pula, sekolah yang berjaya merealisasikan pembelajaran abad ke-21 adalah disebabkan wujudnya pengupayaan dan autonomi guru untuk mencipta pembelajaran yang lebih inovatif dan kreatif. Pengupayaan guru harus diterapkan dalam organisasi sekolah supaya guru dapat mengembangkan kecekapan untuk meningkatkan pengembangan profesional mereka dan dapat menyelesaikan masalah dalam amalan harian mereka terutamanya dalam proses PdPc. Hal ini membolehkan guru merasakan mereka menerima autonomi ke atas tugas mereka dan sekali gus menentang kawalan yang mengganggu kerja mereka sendiri. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap amalan, masalah dan pengupayaan pengajaran abad 21 dalam kalangan guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di Daerah Kuala Lipis. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik dan temu bual dengan guru-guru bahasa Melayu yang terpilih. Dapatan kajian ini dapat membantu pihak-pihak tertentu untuk membantu guru-guru bahasa Melayu melaksanakan pengajaran abad 21 dengan lebih berkesan dan berterusan bagi meningkatkan prestasi bahasa Melayu.*

**Kata kunci:** Bahasa Melayu, pengajaran abad 21, pedagogi, pengupayaan dan autonomi

**PENGENALAN**

Pendidikan merupakan aspek penting dalam membangunkan negara pada masa hadapan. Sehubungan itu, pendidikan perlu bersifat dinamik dan mengalami anjakan dalam pelbagai aspek, khasnya berkaitan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran seiring dengan perubahan semasa. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM, 2013, dengan jelas menegaskan usaha dalam sistem pendidikan untuk melonjakkan pencapaian murid dengan menggunakan pendekatan baharu bagi menyediakan setiap warga Malaysia dengan kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21 dan membangunkan kemahiran abad ke-21, iaitu berfikiran kritis, kreatif dan menggalakkan perkembangan sahsiah murid yang holistik untuk menghadapi cabaran ekonomi abad ke-21 (KPM, 2013). Dalam usaha tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan inisiatif pembelajaran abad ke-21 secara rintis pada tahun 2014 dan dilaksanakan di sekolah seluruh negara mulai tahun 2015 (PADU, 2015).

Dalam konteks pengajaran mata pelajaran, semua guru berusaha bukan hanya perlu mencapai prestasi yang tinggi tetapi untuk melahirkan pelajar yang kreatif dan kritis. Lantaran itu, guru-guru pada alaf baharu ini berhadapan dengan beban tugas yang sangat mencabar. Kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran pembelajaran yang diperlukan oleh pelajar untuk berdaya saing pada milenium baru. Kemahiran abad ke-

21 dapat dikaitkan dengan pelbagai kemahiran yang diperlukan pada zaman ini. Kemahiran abad ke-21 adalah kemahiran-kemahiran yang meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran 3M (Membaca, Mengira dan Menulis), kemahiran sains dan teknologi, kemahiran interpersonal dan intrapersonal dan sebagainya.

Apabila merujuk kepada guru-guru Bahasa Melayu untuk menangani dan mendepani pendidikan Bahasa Melayu dalam abad ke-21, menurut Zamri Mahamod (2011), terdapat empat aspek berikut perlu dikuasai oleh setiap guru Bahasa Melayu. Penulis berdasarkan pendapat Shulman (1987) yang memperkenalkan empat konsep Pedagogical Content Knowledge atau Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) jika mahu menghasilkan guru yang cemerlang, berkesan, inovatif dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini sewajarnya diikuti dan diamalkan oleh guru, termasuk guru-guru Bahasa Melayu. Apakah yang dimaksudkan dengan PPK? Shulman (1987) mendefinisikan PPK kepada pengetahuan guru menterjemahkan pengetahuan isi kandungan secara pedagogikal yang berkesan dengan memahami konteks dalam persekitaran pembelajaran di dalam bilik darjah berdasarkan pengetahuan guru terhadap pengetahuan isi kandungan subjek, pengetahuan pedagogi subjek, pengetahuan ciri setiap pelajar, pengetahuan tentang kepercayaan terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan. PPK banyak melibatkan cara penyampaian guru secara berkesan terhadap sesuatu idea, analogi kukuh, ilustrasi menarik, contoh-contoh tepat dan munasabah, penerangan jelas dan bermakna serta tunjuk cara berkesan agar sesuatu isi pelajaran itu dapat difahami pelajar dengan mudah.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif khusus bagi kajian ini adalah:

1. Mengetahui tahap pelaksanaan pengajaran abad 21 dalam kalangan guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di daerah Kuala Lipis.
2. Mengetahui tahap pengupayaan pelaksanaan guru bahasa Melayu dalam melaksanakan pengajaran abad 21 di sekolah-sekolah menengah di daerah Kuala Lipis.
3. Mengenal pasti permasalahan dalam melaksanakan pengajaran abad 21 dalam kalangan guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di daerah Kuala Lipis.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah tahap pelaksanaan pengajaran abad 21 dalam kalangan guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di daerah Kuala Lipis?
2. Sejauh manakah tahap pengupayaan pelaksanaan pengajaran abad 21 dalam kalangan guru bahasa Melayu di sekolah -sekolah menengah di daerah Kuala Lipis?
3. Sejauh manakah permasalahan dalam melaksanakan pengajaran abad 21 dalam kalangan guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di daerah Kuala Lipis?

### **KAJIAN LITERATUR**

Dalam kajian ini, kajian lepas yang disorot adalah dua aspek, iaitu kajian mengenai pendidikan dan pengajaran pengajaran abad ke-21 dan pengupayaan pelaksanaan pendidikan abad ke-21.

#### **Kajian Pendidikan dan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21**

Sehingga kini, terdapat banyak kajian dijalankan untuk mengetahui pelaksanaan pendidikan abad 21 di sekolah-sekolah rendah dan menengah dalam negara. Kajian ini melibatkan pengajaran bagi mata pelajaran

tertentu seperti Bahasa Melayu, Sains, Matematik dan lain-lain lagi. Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013- 2025), merujuk kepada anjakan pertama iaitu menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa merupakan salah satu faktor utama dalam mencapai Misi Nasional dan guru merupakan tonggak kepada kejayaan ini. Justeru, guru perlu mempunyai iltizam yang tinggi dan bersedia menerima cabaran dalam melaksanakan inisiatif dan pendekatan baharu demi peningkatan kualiti pendidikan.

Pendidikan abad ke-21 mendidik guru untuk lebih matang dalam mengaplikasi teknik pengajaran dan pelajar akan mendapat manfaat dari sesi pembelajaran untuk menghasilkan serta mengekalkan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi cabaran era globalisasi (Amran & Rosli, 2017). Baharuddin et al (2015) menyatakan bahawa ciri-ciri guru abad ke-21 yang perlu dipenuhi oleh guru masa kini adalah: menguasai kurikulum yang diajar; mahir dan berketerampilan dalam pedagogi; memahami perkembangan pelajar dan menyayangi mereka; memahami psikologi pembelajaran; memiliki kemahiran kaunserling; dan menggunakan teknologi terkini. Pelajar juga perlu mempunyai ciri-ciri pelajar abad ke-21 supaya aspirasi PPPM (2013-2025) dapat direalisasikan. Ciri-ciri pelajar ini adalah berupaya membuat hubung kait; bijak menyoal; yakin berkomunikasi; berani mengambil risiko; sentiasa dahagakan ilmu; mempunyai perasaan ingin tahu; bijak menjana idea; fleksibel; tidak mudah berputus asa; mendengar dan membuat refleksi; berkemahiran kritis; menguasai kemahiran literasi; berani mencuba; mampu berfikir sendiri; yakin membuat inisiatif; mampu bekerja dengan orang lain; berani membuat perubahan dan berintegriti.

Dalam kajian oleh Koehler & Mishra (2005) pula menggariskan pengetahuan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah pengetahuan yang mendalam mengenai proses dan amalan atau kaedah pengajaran dan pembelajaran dan bagaimana ia merangkumi keseluruhan tujuan pendidikan dan matlamat pembelajaran. Ini merupakan satu bentuk ilmu generik yang terlibat dalam semua isu-isu pembelajaran murid yang merangkumi pengurusan bilik darjah, rancangan pembangunan pengajaran, pelaksanaannya serta penilaian murid. Ini termasuk pengetahuan mengenai teknik atau kaedah yang akan digunakan di dalam bilik darjah; sifat kumpulan sasaran dan strategi untuk menilai pemahaman murid (Fulton & Brutton, 2011). Seterusnya, profesional keguruan dimartabatkan dengan memberikan penumpuan terhadap program dan aktiviti PdP. Antara inisiatif dan perancangan yang rapi yang boleh dijalankan oleh guru adalah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 di dalam pengajaran mereka. Persediaan pembelajaran yang menjurus ke arah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan pengurusan bilik darjah yang lebih dinamik merupakan cabaran pendidikan abad ke 21 (Susanne, 2014). Oleh itu, guru dan KPM perlu memastikan sistem pendidikan negara mampu mendidik pelajar secara holistik dan berkesan bagi mencapai maklumat melahirkan modal insan berpengetahuan, berintegriti, berfikir secara kreatif, inovatif dan berupaya berkolaborasi bagi memenuhi keperluan industri 4.0 dalam era digital abad 21 (Abdul Ghoni, 2018).

Kajian oleh Davidson dan Hall (2007) pula mendapati perubahan agak sukar dilakukan terhadap guru-guru kerana masih terdapat guru-guru yang mengamalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran berbentuk konvensional iaitu lebih berpusatkan guru. Pandangan ini disokong melalui dapatan bahawa masih ramai guru yang tidak pasti tahu, faham dan mengamalkan pembelajaran abad ke-21. Hal ini demikian, berkemungkinan kerana terdapat kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru sekolah rendah dalam melaksanakan PAK21. Antara kekangan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 ialah kebanyakan guru mengatakan mereka tidak dapat melaksanakan PdPc abad ke-21 bagi semua kelas pada satu-satu hari kerana terpaksa memperuntukkan lebih masa untuk merancang aktiviti dan menyediakan bahan

pembelajaran dan pengajaran. Keadaan ini disebabkan majoriti guru mengajar tiga hingga empat waktu sehari. Hasil kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian terdahulu seperti kajian Mohamad Abdillah Royo dan Woo (2008) yang menunjukkan faktor kekangan masa mempunyai tahap tekanan paling tinggi dalam kalangan guru-guru berbanding faktor kerenah pelajar, beban tugas dan faktor penghargaan. Justeru, penambahbaikan dan pemantauan pelaksanaan perlu diberi penekanan dalam meningkatkan pelaksanaan PAK21. Selain itu, kajian mendapati pihak sekolah kurang memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 kepada murid-murid. Justeru, dapatan ini selari dengan kajian oleh Masyuniza (2015) yang menunjukkan bahawa kemahiran abad ke-21 dalam proses PdPc yang kurang diterapkan oleh guru menyebabkan murid-murid kurang mendapat pendedahan tentang kemahiran-kemahiran abad ke-21.

Meneliti dapatan tersebut seiring dengan kenyataan oleh Mohd Rasidi (2013) yang mengatakan bahawa kepimpinan guru besar memberi impak besar terhadap persepsi kakitangan bawahannya untuk bertingkah laku positif. Hal ini dibuktikan melalui dapatan kajian yang menunjukkan perubahan pertukaran guru besar menyebabkan guru-guru tidak bersedia dengan perubahan dalam masa yang singkat. Situasi ini akan menjejaskan perjalanan organisasi sekolah. Berkaitan keperluan guru besar memberi sokongan terhadap budaya peningkatan ilmu sebagai satu elemen kepimpinan sekolah berkesan telah disokong oleh pendapat Abdul Shukor (2004). Hal ini dibuktikan melalui temu bual bersama-sama guru-guru yang menunjukkan bahawa guru-guru perlu sokongan positif daripada pihak pentadbir sekolah supaya dapat melaksanakan PdPc abad ke-21 dengan lancar dan licin. Kajian oleh Supian dan Khadijah (2014) ini menunjukkan bahawa peranan pentadbir sekolah memberi keutamaan kepada aspek pencambahan ilmu pengetahuan dalam kalangan guru sangat memberi kesan terhadap pencapaian akademik sekolah. Keadaan ini menunjukkan bahawa pentadbir sekolah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sikap guru bagi mencapai misi dan matlamat sekolah, khususnya meningkatkan kualiti penyampaian PdPc agar seiring dengan transformasi pendidikan masa kini.

### **Kajian Berkaitan Pengupayaan Pengajaran Abad ke-21**

Secara umumnya, pengupayaan merupakan suatu amalan yang memberi guru hak untuk terlibat dalam penentuan tujuan dan dasar sekolah yang melibatkan penilaian profesional mereka. Melalui pengupayaan, guru dapat menemui potensi dan batasan mereka untuk diri mereka sendiri serta mengembangkan kecekapan dalam perkembangan profesional mereka (Aydin Balyer, Ozcan, & Ali Yildiz, 2017).

Manakala Ogler and Nir (2012) pula menjelaskan bahawa pengupayaan dalam PdPc membolehkan perubahan dalam pengembangan profesional seseorang, peningkatan autonomi, dan penglibatan dalam proses membuat keputusan berkaitan PdPc dalam bilik darjah. Pengupayaan juga sesuai dengan tuntutan PdPc abad ke 21 agar kepimpinan sekolah pada masa kini tidak lagi bergantung kepada pengetua semata-mata, sebaliknya kepimpinan berkaitan PdPc harus melibatkan para guru (Ruechakul, Erawan, & Siwarom, 2015). Malah Edd (2017) mengesyorkan agar pengetua sekolah kini harus mencari langkah-langkah yang alternatif, bermakna dan praktikal bagi memperkasakan guru melalui pengupayaan agar guru mudah membuat keputusan berkaitan PdPc secara kreatif dan inovatif bersesuaian transformasi pendidikan pada masa kini (Edd, 2017). Sementara itu, kajian oleh Abd Jalil Ali (2019) mengesyorkan agar pengupayaan dan autonomi guru dipertingkatkan oleh pihak pengurusan sekolah pada masa kini sesuai dengan perkembangan PdPc abad ke 21, iaitu menghormati guru sebagai seorang profesional yang mengutamakan pelajar, meneruskan pembelajaran dan memantau pembelajaran pelajarannya. Lantaran itu, dapat dirumuskan bahawa pengupayaan P d P c sebagai satu proses yang memperlihatkan peranan pengetua atau pentadbir memberi ruang kepada guru-guru untuk membina kecekapan diri, kebertanggungjawaban terhadap

kemajuan diri serta menyelesaikan sebarang masalah yang timbul semasa berkaitan PdPc, seterusnya mewujudkan pengajaran yang berkesan selari dengan tuntutan PdPc abad ke 21.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menggunakan kaedah tinjauan bagi mengumpul data. Menurut Uma & Roger, (2010), kaedah kuantitatif bertujuan menentukan hubungan antara satu pemboleh ubah dengan satu pemboleh ubah yang lain dalam satu populasi. Subjek kajian terdiri daripada guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah-sekolah menengah di daerah Kuala Lipis sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel kajian adalah secara rawak dan ditadbirkan di sekolah-sekolah dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Data kualitatif pula dikumpul dengan menggunakan temu bual semi struktur terhadap responden.

### **DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, semua persoalan yang cuba dijawab dapat diterangkan dalam dapatan seperti berikut:

**Persoalan 1:** *Apakah tahap pelaksanaan pengajaran abad 21 dalam kalangan guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di daerah Kuala Lipis?*

Berdasarkan temu bual yang dilakukan, semua responden memahami dan menerima maklumat dengan berkesan mengenai pedagogi abad 21. Semua guru menerima mengetahui dan berusaha melaksanakan pengajaran abad 21 semasa dalam kelas. Namun begitu, strategi ini dilakukan bukan dalam semua kelas atau murid kerana bergantung kepada kebolehan dan kelemahan murid. Keadaan ini dapat dikesan melalui temu bual semi struktur menunjukkan bahawa amalan PAK21 dalam kalangan guru bahasa Melayu dilakukan dengan Guru R1 mengatakan;

“Saya ada mengaplikasikan PdPc abad ke-21 dalam kelas, saya tetapi kadang-kadang, bukan selalu kerana saya tengok pada tajuk yang akan diajar. Saya menggunakan ICT dalam PdPc”.

Berdasarkan kenyataan tersebut, membuktikan bahawa amalan PAK21 dalam PdPc guru-guru bahasa Melayu di sekolah menengah dilaksanakan dengan sebaiknya oleh guru-guru. Hal ini dibuktikan melalui temu bual dan senarai semak berdasarkan dokumen pelaksanaan PAK21 yang dipamerkan di dinding-dinding sekolah dan dalam kelas. Namun begitu, terdapat beberapa aspek yang boleh diberi penambahbaikan kerana masih ada guru-guru yang masih tidak pasti sama ada tahu atau faham dalam melaksanakan PAK21 dan tidak dapat menguasai teknologi masa kini.

**Persoalan 2:** *Sejauh manakah tahap pengupayaan pelaksanaan pengajaran abad 21 dalam kalangan guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di daerah Kuala Lipis?*

Berdasarkan persoalan ini, pengupayaan merujuk kepada amalan yang memberi guru hak kepada guru yang terlibat dalam menetapkan tujuan dan dasar sekolah yang melibatkan penilaian profesional mereka. Dengan adanya pengupayaan, guru dapat mengembangkan potensi dan kebolehan untuk mengembangkan kecekapan dalam perkembangan profesional mereka (Aydin Balyer, Ozcan, & Ali Yildiz, 2017). Bagi Ogler and Nir (2012), menegaskan bahawa pengupayaan dalam PdPc membolehkan perubahan dalam pengembangan profesional seseorang, peningkatan autonomi, dan penglibatan dalam proses membuat keputusan berkaitan PdPc dalam bilik darjah. Pengupayaan juga sesuai dengan tuntutan PdPc abad ke 21

agar kepemimpinan sekolah pada masa kini tidak lagi bergantung kepada pengetua semata-mata, sebaliknya kepemimpinan berkaitan PdPc harus melibatkan para guru (Ruechakul, Erawan, & Siwarom, 2015). Sementara itu, Edd (2017) mengesyorkan agar pengetua sekolah kini harus mencari langkah-langkah yang alternatif, bermakna dan praktikal bagi memperkasakan guru melalui pengupayaan agar guru mudah membuat keputusan berkaitan PdPc secara kreatif dan inovatif bersesuaian transformasi pendidikan pada masa kini (Edd, 2017).

Dalam kajian ini, didapati bahawa amalan pengupayaan dalam PdPc secara keseluruhannya dapat dilakukan oleh responden-responden. Keadaan ini dapat diperhatikan dalam contoh berikut:

*R1: "Saya bebas untuk memilih kaedah atau strategi untuk mengajar. Saya memilih teknik atau aktiviti berdasarkan pengalaman dan murid-murid saya dalam kelas saya".*

*R2: "Saya berasa senang dan seronok mengajar kerana tidak ada batasan atau kekangan daripada pihak panitia atau pengetua. Saya juga diberi peluang untuk mencuba kaedah baru semasa mengajar, mengikut cara saya, asalkan dapat menyampaikan isi pelajaran hari itu".*

Keadaan ini dapat menjelaskan bahawa guru-guru diberi pengupayaan dalam perkara berkait dengan PdPc dalam bilik darjah, program-program berkaitan kurikulum dan sebagainya. Dalam kata lain, dapatan menunjukkan bahawa guru-guru berupaya untuk melakukan sesuatu tugas, dan lebih bermotivasi untuk menyelesaikan masalah serta lebih bersedia membantu murid dalam aktiviti PdPc. Seterusnya dapatan kajian ini menunjukkan amalan autonomi guru dalam PdPc juga diberi kebebasan oleh pihak pentadbir untuk melaksanakan kaedah atau strategi semasa mengajar. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Montgomery dan Prawitz (2011) berkenaan kebebasan guru dalam perancangan dan kaedah pengajaran. Sebaliknya dapatan kajian ini berbeza dengan Rudolph (2016) dan Glatter, (2012) yang melaporkan bahawa secara umumnya tahap autonomi guru adalah tinggi dalam menetapkan aspek kurikulum seperti pedagogi dan aspek mumu seperti disiplin murid.

**Persoalan 3:** *Sejauh manakah tahap permasalahan dalam melaksanakan pengajaran abad 21 dalam kalangan guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di daerah Kuala Lipis?*

Berdasarkan maklumat daripada temu bual yang dijalankan, terdapat beberapa kekangan dalam kalangan guru bahasa Melayu dalam melaksanakan PAK21 dalam bilik darjah. Antara masalah tersebut adalah sukatan pelajaran yang padat, masalah capaian internet, jumlah pelajar, sikap dan minat pelajar, masih mengamalkan kaedah pengajaran tradisional dan prasarana sekolah. Bagi masalah topik atau sukatan mata pelajaran merupakan masalah paling utama. Keadaan ini disebabkan guru-guru perlu menghabiskan semua topik serta memberi fokus kepada topik-topik yang penting. Oleh itu, guru tidak dapat mengaplikasikan penggunaan PAK21 dalam kelas kerana kurang sesuai dengan waktu yang singkat dan murid yang akan medatangkan masalah disiplin dalam kelas. Selain itu, masalah pertukaran pentadbir sekolah, dan kurang kerja sama daripada ibu bapa yang kurang aktif dan jumlah pelajar yang ramai dalam kelas. Bagi masalah pertukaran pentadbir pula, kerana cara pentadbir baharu yang berbeza dengan cara pemimpin lama menyebabkan guru sukar untuk meneruskan pengajaran yang sedang dilakukan. Oleh itu, tahap pengupayaan dalam melaksanakan pendidikan abad 21 tidak dapat dilakukan dengan sepenuhnya di sekolah.

**RUMUSAN**

Sebagai kesimpulannya, guru-guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah kajian mengetahui dan mengamalkan PAK21 bagi mata pelajaran bahasa Melayu. Ini menunjukkan guru-guru mendapat pendedahan dan kepentingan pengajaran alaf baharu untuk diamalkan semasa mengajar. Namun begitu, pengajaran dan pembelajaran PAK21 ini belum menjadi kebiasaan atau rutin, hanya digunakan pada masa atau keadaan-keadaan tertentu. Begitu juga dengan tahap pengupayaan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad 21 bagi subjek bahasa Melayu. Secara umumnya, guru-guru diberi kebebasan untuk melaksanakan pengajaran atau autonomi untuk memilih kaedah atau strategi semasa mengajar. Namun begitu, pelaksanaan dan pengupayaan ini menghadapi beberapa kekangan menyebabkan guru tidak dapat melaksanakan sepenuhnya di sekolah. Sehubungan itu, pihak pentadbir harus mengambil langkah-langkah untuk membolehkan guru-guru mengajar dengan berkesan dan berkualiti.

Berkaitan dengan pengajaran guru bahasa Melayu telah menyedari kepentingan untuk mengubah strategi pengajaran bagi meningkatkan minat, motivasi dan prestasi pelajar. Lantaran itu, guru-guru perlu berfikir reflektif, kreatif dan inovatif dari semasa ke semasa. Hal ini disebabkan guru berperanan sebagai *constructivist leader* yang dapat mencetuskan pemikiran pelajar Bahasa Melayu. Sungguhpun begitu, usaha ini tidak akan tercapai sekiranya tidak ada sokongan pelbagai pihak terutama pentadbir sekolah, rakan-rakan guru dan ibu bapa serta komuniti bagi memastikan mata pelajaran Bahasa Melayu menjadi satu subjek yang diminati dan memberi impak dalam peperiksaan utama di sekolah.

**RUJUKAN**

- Abdul Ghoni Ahmad. (2018). Pendidikan Kita Bertaraf Dunia. *Rencana Majalah Pendidikan* Feb 2018: Jilid 120. Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Bil. 6: E-ISSN: 2289-9669. Universiti Sains Malaysia.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2006). *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Nordin. (2013). Kurikulum Ke Arah Penghasilan Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif Dan Inovatif. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. Vol 1(1). 10-18.
- Aimi Hafizah bt. Fadzilah. (2017). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif berasaskan abad ke-21: Satu tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekas Nenas.
- Kertas Projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ainun Rahmah Ibrahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. ISSN: 2180-4842. Vol. 7, Bil. 2 (Nov. 2017): 77-88.

- Andrew, J. R. & Willingham, D. (2009). *21st Century skills: The Challenges Ahead*. Educational
- Arbaa, R. 2015. *Kearifan tempatan profesional guru dalam menerapkan kemahiran insaniah di dalam bilik darjah*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia.
- Arends, Richard I. (2001). *Learning to teach*. Edisi Ke-5. Boston: Mc Graw-Hill.
- Azizah binti Ail. (2015). *Analisis penguasaan kemahiran penaakulan kemahiran abad ke 21 dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah di Jajahan Bachok, Kelantan*. Sarjana Pendidikan (Kimia). Fakulti Sains dan Matematik. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Eny Winaryati. (2018). *Penilaian kompetensi siswa abad 21*. FMIPA. UMPMUS.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 20132025*. [http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary Blueprint-ExecSummaryBM.pdf](http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary%20Blueprint-ExecSummaryBM.pdf). (Diakses pada 23 Jun 2018)
- Kimwarye, M. C., Chirure, H. N., & Omondi, M. (2014). Teacher empowerment in education practice: Strategies, constraints and suggestions, IOSR. *Journal of Research & Method in Education* (IOSR-JRME, 4(2), 51-56.
- Mashira Yahaya et. al. (2019). Amalan pembelajaran Abad ke-21 dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru-guru sekolah rendah. *Jurnal IPDA* Bil. 26. IPGK Darulaman. Jitra, Kedah.
- Mistirine Radin dan M Al Muz-Zammil Yasin. (2018). *Pendidikan abad ke-21 di Malaysia: Satu tinjauan awal*. Humanika. UTM: Johor Bharu.
- Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak. (1999). Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Tahun 1997. Dewan Sukan Pahang, Kuantan. 16 Mei 1997. Dalam Koleksi Ucapan Menteri Pendidikan Malaysia 1995-1999.
- Mohd Noorhadi Mohd Yusof. (2017). Kepentingan penggunaan media sosial teknologi maklumat dalam pendidikan IPTA. *Journal of Sciences and Humanities*. Vol. 12. No. 023 ISSN:1823-884x. Fakulti Sains Sosial: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazlin Mohd Rusdi dan Siti Rahaimah Ali. (2019). *Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21*. *Kertas Kerja Pembentangan Seminar Islam dan pengurusan teknologi maklumat*. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZar).
- Norul Haida bt. Reduzan et.al. (2018). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21*. Kertas kerja pembentangan dalam Seminar Antarabangsa Bahasa, Pendidikan, Humanities dan Education.



- Noor Lela Ahmad, Sho Sin Looi, Hariyaty Ab Wahid dan Rohaila Yusof. (2019). Kepentingan amalan pengajaran dan pembelajaran abad 21 terhadap pembangunan pelajar. Volume: 4 Issues: 28 [March, 2019] pp.-28-51] *International Journal of Education, Psychology and Counseling* eISSN: 0128-164x Journal website: www.ijepc.com.
- Roebuck, G. (2011). Sabbatical Report: 21st Century Leadership, 1–14. Diakses pada 23 Jun 2018 [https://www.scribb.com/document/373435780/Greg\\_Roebuck\\_Sabbatical\\_Report](https://www.scribb.com/document/373435780/Greg_Roebuck_Sabbatical_Report)
- Rohani, Hazri, & Mohammad Zohir. (2017). Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 1–11.
- Sharifah Bee. (2015). *Transformasi Dijana Legasi: Koleksi Ucapan 2012-2015*. Dr. Hajah Sharifah Bee Binti Hj. Aboo Bakar, Timbalan Pengarah Pendidikan Pulau Pinang. KPM, JPPP. Pulau Pinang: Crucetak Sdn. Bhd.
- Siti Hajar binti Zakariah. (2013). *Beban tugas guru mempengaruhi penggunaan sumber Teknologi Pendidikan di empat buah Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional di Johor*. Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Fakulti Teknik dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sofiana Hassan dan Zamri Mahamod. (2019). Hubungan faktor pengetahuan kemahiran abad ke-21 dengan faktor umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu di daerah Sibul, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu– JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. ISSN: 2180-4842. Vol. 9 (Nov. 2019). Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Umi Kalthom Bte Mahbib dan Ahmad Bin Esa (2014). Kaedah Koperatif Sebagai Pilihan Kelas Abad 21. *Jurnal Seminar Pendidikan Teknikal dan Vokasional*.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society*. Cambridge, MA.: Harvard University Press
- Wood, J.W. (2002). *Adapting instruction to accommodate students in inclusive setting: Including all students*. New York: Pearson Education Inc.
- Yahya Othman dan Dr. Suzanawaty Pg. Osman (2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
- Zamri Mahamod, Norasmah Othman & Mohammed Sani Ibrahim. (2007). *Profesionalisme guru novis: Model latihan*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, UKM.
- Zamri Mahamod. (2011). *Memperkasa guru, mempercekap pelajar: Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam abad ke-21*. Ucapnama Seminar Bahasa Melayu.